

**PENEROKAAN IMPAK KEMISKINAN DAN DAYA KETAHANANGELANDANGAN  
BEKAS BANDUAN DALAM MENGHADAPI KEHIDUPAN JALANAN MENURUT  
PERSPEKTIF RUTTER DAN LUTHAR**

**Mohd Alif Bin Jasni<sup>1</sup>, Noralina Omar<sup>2</sup> Siti Hajar Abu Bakar Ah<sup>2</sup>,  
Norruzeyati Che Mohd Nasir<sup>3</sup>**

**ABSTRAK**

Kehidupan gelandangan bekas banduan sering dihipit kemiskinan disebabkan oleh keadaan hidup tanpa pekerjaan yang tetap, ketiadaan pendapatan yang sah dan kehidupan tanpa rumah. Dalam menghadapi masalah ekonomi yang sangat menekan hidup, mereka ini masih berupaya untuk meneruskan hidup di jalanan. Keadaan kemiskinan ini telah mendorong kepada sebuah kajian mengenai impak kemiskinan dan pembentukan daya ketahanan dalam diri gelandangan bekas banduan sepanjang menghadapi kehidupan jalanan. Kajian dilakukan dengan menggunakan pendekatan kualitatif dengan menemubual secara mendalam 15 gelandangan bekas banduan. Hasil dapatan menunjukkan kemiskinan memberi impak yang besar kepada perjalanan hidup gelandangan bekas banduan. Terdapat tujuh tema yang ditemui tentang impak kemiskinan. Antaranya adalah ketiadaan pendapatan yang sah, tidak mempunyai tempat berteduh, diskriminasi masyarakat, sering berhadapan dengan pihak penguatkuasa disebabkan hidup di jalanan, ketiadaan peluang untuk keluar dari kepompong kemiskinan, hilang rasa kepercayaan dan berasa rendah diri serta kecenderungan terlibat dalam tingkah laku anti sosial sebagai jalan mudah. Di samping itu, impak kemiskinan telah menyebabkan informan ini membentuk daya ketahanan tersendiri seperti penyesuaian diri, mengatasi (sebagai suatu bentuk strategi daya tindak) pengalaman hidup yang sukar, penghindaran dari masyarakat dan memanfaatkan kelebihan yang ada. Kajian ini didasari oleh dua teori daya ketahanan oleh Michael Rutter dan Suniya Luther. Dapatan tersebut memberi makna yang besar kepada badan pengetahuan dalam mendapatkan gambaran tentang gelandangan bekas banduan. Keseluruhan dapatan yang diperolehi menyokong idea yang didasari oleh kedua-dua teori ini. Gelandangan bekas banduan akan membentuk daya ketahanan dalam menyesuaikan diri dengan keadaan kemiskinan dan pengalaman hidup yang sukar.

***Kata kunci:*** kemiskinan, daya ketahanan, gelandangan bekas banduan, jalanan

**ABSTRACT**

The homeless lives of ex-prisoners are often squeezed by poverty due to living conditions without a permanent job, lack of legitimate income and homeless life. In the face of very stressful economic problems, they continue to live on the streets. This state of poverty has led to a study on the impact of poverty and the formation of resilience among homeless ex-prisoners throughout the face of street life. The present study uses a qualitative approach by conducting in-depth interviews among 15 homeless ex-prisoners. The findings show that poverty has a significant impacts in the life

journey of homeless ex-prisoners. Seven themes are extracted in relation to the impact of poverty. Those are lack of legitimate income, homelessness, societal discrimination, frequent confrontation with law enforcement due to living on the streets, lack of opportunity to get out of the c poverty, loss of trust and inferiority and tendency to engage in anti-social behavior as a short-cut. In addition, the impacts of poverty caused these informants to form their own resilience such as self-adjustment, overcoming (as a form of coping strategy) difficult life experiences, avoidance from society and taking advantage of existing advantages. This study is based on two theories of resilience proposed by Michael Rutter and Suniya Luther. The findings contribute significantly to the body of knowledge by providing an overview of the homelessness of ex-prisoners. The overall findings support the ideas that underpin these two theories. Homeless ex-prisoners tend to build resilience as adaptation to poverty and difficult life experiences.

**Keywords:** *poverty, resilience, homeless ex-prisoners, streets*

## PENGENALAN

Di Malaysia, fenomena gelandangan bekas banduan membentuk keberadaan golongan bekas banduan yang berakhir hidup menjadi gelandangan dalam keadaan kemiskinan di setiap penjuru bandar-bandar yang sedang membangun (Mohd Alif Jasni, Siti Hajar, Jal Zabdi, Khariyah, Noralina, & Zaiton, 2018). Kehidupan gelandangan bekas banduan di Kuala Lumpur sedang membentuk sosiobudaya dan tingkah laku di dalam masyarakat. Penumpuan dan kehadiran kumpulan rentan ini di bandar-bandar terutama Kuala Lumpur tidak dapat dinafikan sedang berlaku. Kemiskinan hidup yang menghimpit kehidupan gelandangan bekas banduan menjadikan mereka terus terjerumus dan berterusan hidup di jalanan. Ketiadaan peluang untuk keluar dari kehidupan bergelandangan memerlukan gelandangan bekas banduan ini membentuk bentuk daya ketahanan dalam menghadapi keadaan kesukaran dan pengalaman hidup di jalanan. Keperluan pembentukan daya ketahanan dalam diri bagi membantu kumpulan rentan ini mampu memastikan kelangsungan hidup di jalanan. Tempoh berada di jalanan yang lama menjadikan gelandangan bekas banduan membentuk daya ketahanan sebagai penghasilan daripada pengalaman bergelandangan.

Kertas kajian ini tampil untuk memfokuskan kepada impak kemiskinan dan bentuk daya ketahanan yang wujud dalam kalangan gelandangan bekas banduan yang bertumpu hidup di jalanan di sekitar Kuala Lumpur. Gelandangan bekas banduan didapati merupakan komuniti rentan yang hidup dalam kemiskinan yang berterusan. Kehidupan tanpa pekerjaan yang tetap, disisihkan keluarga, ketiadaan tempat tinggal menjadikan mereka berterusan hidup dalam serba kekurangan. Terdapat sesuatu yang mempesonakan tentang kehidupan gelandangan bekas banduan iaitu membentuk daya ketahanan tertentu untuk meneruskan kehidupan.

Di Malaysia, bilangan jumlah gelandangan adalah semakin membimbangkan. Pada tahun 2015 sahaja, terdapat sebanyak 1527 orang gelandangan di Malaysia (Ramli & Dawood, 2017). Ianya belum meliputi jumlah yang tidak dikenal pasti sehingga hari ini. Maka, jumlahnya boleh menjadi lebih tinggi jika dipertimbangkan angka sebenar yang tidak dilaporkan. Harapan kerajaan Malaysia dalam berusaha untuk mengurangkan peratusan gelandangan di Malaysia kelihatan mengalami kegagalan apabila kadar peratusan semakin bertambah. Secara umumnya, tiada statistik

yang tepat tentang jumlah gelandangan bekas banduan yang ada di Kuala Lumpur. Namun, data kewujudan penumpuan gelandangan bekas banduan telah mula direkodkan oleh beberapa kajian tempatan (Berawi & Ismail 2019; Idris & Ramli 2017; Jasni et al. 2018; Jasni et al. 2019; Ramli & Dawood 2017; Tharshini et al. 2018; Yani et al. 2016). Gelandangan adalah prisma yang mencerminkan terutamanya kekecewaan dalam mendapatkan tempat tinggal, kebajikan, pendidikan, perkhidmatan kesihatan dan sistem keadilan (Yildirim & Yildirim, 2014). Fenomena sosial yang kompleks ini menentang definisi asas dan menentang penyelesaian mudah (Yildirim & Yildirim, 2014).

Walaupun terdapat beberapa ketidakpastian tentang jumlah sebenar orang gelandangan pada bila-bila masa di negara-negara berbeza, tidak dapat dinafikan bahawa bilangan tersebut telah bertambah dengan drastik pada tahun-tahun kebelakangan ini (Vandentorren & Chauvin, 2018). Punca kewujudan gelandangan adalah kompleks. Faktor-faktor yang diperincikan adalah seperti kehilangan tempat tinggal sebagai akibat dari interaksi antara sejarah individu (sebagai contoh, kemiskinan, penyalahgunaan dadah, sedang berada dalam tempoh rawatan, mengalami masalah dengan keluarga, menghidapi penyakit fizikal, bersendirian, penyakit mental) dan penyebab struktur / sosial yang disebabkan oleh kekurangan kemudahan perumahan kos rendah, kekurangan peluang pekerjaan, tahap kemahiran yang rendah, pengangguran dan kekurangan dasar kebajikan sosial yang disediakan (Shinn, 2010). Kajian yang dijalankan oleh Yani, Zahari, Samah, Azahar, Yasin, Saman, dan Noor, (2016) mendapati antara faktor yang menyebabkan individu menjadi gelandangan ialah masalah keluarga, kehilangan pekerjaan, kemiskinan, kurang upaya, residensi serta masalah sikap. Terdapat juga gelandangan yang lebih tua mempunyai sokongan sosial yang lemah dan mempunyai prevalensi penyakit kronik, kemurungan dan penyalahgunaan dadah yang tinggi (Raven, Kaplan, Rosenberg, Tieu, Guzman, & Kushel, 2018).

Kemiskinan juga sering dikaitkan dengan kehidupan gelandangan yang digambarkan dengan beberapa kata kunci seperti keperitan, kepayahan hidup, kesusahan dan kekurangan (Khalid, 2016). Menurut Idris dan Ramli (2017), gelandangan dikatakan mengalami pengasingan sosial dan merupakan kelompok marginal yang mengalami kesukaran atau kesusahan ekonomi di mana pengasingan sosial menghalang individu atau kumpulan tersebut dari melibatkan diri dalam aktiviti sosial dan kehidupan politik dan menuntut hak mereka. Kehidupan yang rentan ini menjadikan keperluan untuk golongan ini membentuk daya ketahanan dalam menghadapi peristiwa dan pengalaman hidup kemiskinan ini. Dengan ini, objektif kajian ini adalah untuk meneroka impak kemiskinan dan juga bentuk daya tindak yang terhasil kesan hidup yang dihimpit kemiskinan dalam kalangan gelandangan bekas banduan sepanjang hidup di jalanan.

## **SOROTAL LITERATUR**

### **DAYA KETAHANAN**

Pertama sekali, keperluan dalam memahami daya ketahanan. Apa yang membuatkan seseorang membentuk daya ketahanan dalam diri apabila menghadapi kesukaran dan pengalaman pahit dalam hidup? Secara mudahnya ketahanan biasanya ditakrifkan sebagai keupayaan untuk pulih dari peristiwa kehidupan yang sukar. Berdaya tahan tidak bermaksud orang tidak mengalami tekanan,

pergolakan emosi, dan penderitaan. Namun, bentuk daya ketahanan adalah suatu penghasilan yang wujud akibat pengalaman hidup yang berlaku. Pada dasarnya, ketahanan adalah kemampuan menyesuaikan diri, yang memungkinkan seseorang berkembang dalam menghadapi kesukaran (Cleverley, & Kidd, 2011; Connor & Davidson, 2003). Ketahanan turut disamakan dengan ketangguhan dan keteguhan mental, termasuk proses melalui kesakitan dan penderitaan emosi yang berlaku dalam diri. Ketahanan bukanlah sifat tetap. Fleksibiliti, kemampuan menyesuaikan diri, dan ketekunan dapat membantu orang memanfaatkan daya ketahanan mereka dengan mengubah pemikiran dan tingkah laku yang digunakan dalam menjalani kehidupan. Keadaan ini menyebabkan pengkaji terinspirasi dalam meneroka dengan lanjut bentuk daya tahan yang terhasil oleh gelandangan bekas banduan dalam memastikan kelangsungan hidup walaupun dalam keadaan kemiskinan. Hal ini kerana membangunkan daya ketahanan dalam diri seseorang itu boleh menjadi pelbagai, bersifat peribadi dan sangat kompleks. Ia sebenarnya bergantung pada diri seseorang itu dan pembentukan daya ketahanan boleh berbeza-beza mengikut keupayaan individu. Namun demikian, sepastinya wujud persamaan bentuk daya tahan yang boleh dikenal pasti apabila mengkaji satu kelompok kajian. Dalam hal ini, kajian ini memfokuskan gelandangan bekas banduan sebagai subjek kajian.

Daya ketahanan melibatkan gabungan kekuatan dalaman dan luar, dan tidak ada formula universal untuk menjadikan seseorang mempunyai lebih daya ketahanan daripada yang lain. Pengkaji berpendapat ia adalah pengalaman peribadi seseorang yang melalui keadaan kesukaran tersebut. Tidak dapat dinafikan setiap orang berbeza-beza. Walaupun satu orang mungkin mengalami gejala kemurungan atau kegelisahan berikutan kejadian traumatik, orang lain mungkin tidak melaporkan gejala sama sekali. Gabungan faktor menyumbang kepada ketahanan, dan tidak ada senarai yang mudah dilakukan untuk mengatasi masalah hidup yang dilalui. Ketahanan adalah apa yang memberi kekuatan emosional kepada manusia untuk mengatasi trauma, kesulitan, dan kesusahan. Orang yang berdaya tahan menggunakan sumber daya, kekuatan, dan kemahiran mereka untuk mengatasi cabaran dan berusaha melalui kemunduran. Orang yang kurang berdaya tahan cenderung merasa terbeban atau tidak berdaya, dan bergantung pada strategi daya tindak yang tidak sihat (seperti penghindaran, pengasingan, dan rawatan diri). Walau bagaimanapun, berkaitan dengan literatur tentang daya ketahanan ini, pengkaji mendapati pemahaman tentang ketahanan ada dilakukan dalam kalangan remaja gelandangan tetapi masih terhad (Perron, Cleverley, & Kidd, 2014). Pengertian terhad ini tetap ada walaupun terdapat penemuan yang menunjukkan pentingnya daya ketahanan terhadap kelangsungan hidup kelompok individu yang berada di jalanan dan relevansi pemahaman daya ketahanan terhadap pengembangan intervensi yang berkesan untuk membantu gelandangan ini menghadapi kehidupan di jalanan (Kidd, Miner, Walker, & Davidson, 2007). Hasil daya tahan adalah keberkesanan diri, kemampuan menyesuaikan diri, dan mempunyai pendekatan berorientasikan tindakan (Connor & Davidson, 2003).

Ketahanan merujuk kepada pencapaian hasil positif walaupun keadaan mencabar atau mengancam (Brooks, 2006), berjaya mengatasi pengalaman trauma, dan menghindari jalan negatif yang dikaitkan dengan risiko (Luthar, Cicchetti, & Becker, 2000). Keperluan utama daya ketahanan adalah adanya risiko dan faktor pelindung yang membantu mempromosikan hasil positif atau mengurangkan hasil negatif (Fergus & Zimmerman, 2005). Dalam kajian ini, pengkaji ingin mengenal pasti bentuk daya ketahanan yang wujud disebabkan desakan hidup dan faktor kemiskinan.

## **KEMISKINAN**

Kemiskinan merupakan isu sejagat yang sering mendapat perhatian umum. Kemiskinan tidak merujuk kepada komuniti luar bandar sahaja tetapi turut dihadapi oleh komuniti bandar. Sehingga hari ini, kemiskinan dianggap sebagai masalah masyarakat yang sukar diatasi. Pada asasnya, kemiskinan diperhatikan dalam dua bentuk iaitu kemiskinan relatif dan kemiskinan mutlak. Kemiskinan mutlak mengukur kemiskinan dalam hubung kait wang dan keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal. Kemiskinan mutlak juga merujuk kepada keadaan di mana seseorang individu atau isi rumah yang tidak mampu untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal bagi menikmati kesejahteraan hidup yang minimum dan munasabah (Jamil & Che Mat, 2014; Khalid, 2016). Manakala kemiskinan relatif pula merupakan kemiskinan yang diperhatikan dalam konteks ketidaksamaan pendapatan antara kumpulan. Kemiskinan ini mengaitkan jurang pendapatan antara dua kumpulan iaitu golongan yang mempunyai pendapatan yang rendah dianggap sebagai miskin dan golongan yang memiliki pendapatan yang lebih tinggi dianggap sebagai kaya. Selain itu, ketidaksamarataan ini juga diukur menggunakan pekali gini berasaskan kepada pengagihan pendapatan kasar bulanan isi rumah.

Kemiskinan adalah keadaan di mana seseorang kekurangan sumber untuk memenuhi keperluan hidup dan mendapatkan pelbagai jenis perkhidmatan atau mengalami pelbagai halangan untuk mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti sosial sehingga terbatas dalam mengakses kemudahan yang secara umum berlaku di masyarakat tempat mereka berasal (Saunders, 2005). Secara konseptual, Suharto(2009)jelaskan bahawa kemiskinan disebabkan oleh 4 (empat) faktor, yang berkaitan dengan aspek berikut:

1. Faktor Individu. Orang miskin disebabkan oleh tingkah laku, pilihan, atau ketidakmampuan menjalani kehidupan mereka.
2. Faktor Sosial. Dalam kes ini, keadaan persekitaran sosial yang menyebabkan seseorang menjadi miskin.
3. Faktor Budaya. Dalam kes ini, keadaan atau kualiti budaya yang menyebabkan kemiskinan. Sikap negatif seperti kemalasan, fatalisme, atau pergaulan dengan rakan, kekurangan semangat keusahawanan, dan kurang menghormati etika kerja, sering dijumpai pada orang miskin.
4. Faktor Struktur. Dalam kes ini, merujuk kepada struktur atau sistem yang tidak adil dan tidak sensitif, menyebabkan seseorang atau sekumpulan orang menjadi miskin.

Kehidupan gelandangan bekas banduan tanpa mempunyai peluang pekerjaan tetap, ketiadaan pendapatan yang stabil dan akses kepada perumahan menjadikan mereka hidup dalam kemiskinan. Kehidupan dalam kemiskinan di jalanan untuk tempoh yang lama dan berterusan akan membentuk daya ketahanan tersendiri dalam menghadapi kehidupan (Mohd Alif, Siti Hajar & Norruzeyati, 2020, 2021; Mohd Alif, Norruzeyati, Mohammad Nurhafiz, 2020). Hal ini disebabkan kehidupan di jalanan bukan suatu yang mudah untuk dilalui oleh seseorang. Maka dengan itu, wujud keperluan bagi seseorang itu untuk membina daya ketahanan diri yang berupaya menghadapi kehidupan di jalanan tersebut.

## **GELANDANGAN BEKAS BANDUAN**

Sehingga hari ini, tiada siapa yang tahu berapa jumlah gelandangan bekas banduan yang wujud di Malaysia. Malahan secara umumnya tentang gelandangan ini, ia masih menjadi suatu konsep yang masih samar dan kabur (Mohd Alif, Siti Hajar, Jal Zabdi, Khairiyah, & Noralina, 2017). Dalam konteks perbincangan ini, gelandangan bekas banduan merujuk kepada individu yang mempunyai rekod pemenjaraan yang berakhir hidup di jalanan tanpa mempunyai tempat tinggal yang stabil. Golongan gelandangan bekas banduan ini wujud disebabkan pelbagai faktor yang menghimpit dan mendesak seperti disisihkan keluarga, gagal mendapat pekerjaan, terlibat dalam penagihan dadah atau arak (Mohd Alif, Siti Hajar, Jal Zabdi, Khairiyah, Noralina, & Zaiton, 2019). Oleh yang demikian, mereka tidak mampu untuk memenuhi keperluan hidup sehingga menyebabkan mereka hidup di jalanan dan memilih merata-rata tempat untuk tidur seperti di kaki lima kedai, bawah jambatan, belakang lorong dan bangunan kosong. Mereka juga terpaksa hidup ‘kais pagi makan pagi, kais petang makan petang’, dan kadang-kadang tidak makan kerana tidak mampu untuk membeli makanan dan sering mengharapkan bantuan makanan daripada orang lain.

Gelandangan bekas banduan sebenarnya telah ada sejak wujudnya sistem kepenjaraan di dunia. Namun demikian, kajian tentang gelandangan bekas banduan tidak diberi perhatian serius. Tidak banyak yang diketahui tentang kelompok gelandangan bekas banduan baik dari segi polisi dan juga akademik. Gelandangan bekas banduan tidak dapat lari dari isu pengecualian sosial dan juga tempat tinggal yang telah mencapai titik krisis di Malaysia. Ada beberapa keadaan yang boleh menyebabkan seseorang berakhir menjadi gelandangan di jalanan selepas beberapa kali bebas dari penjara. Beberapa faktor utama yang menyumbang kepada gelandangan bekas banduan ialah:-

1. Kemiskinan: Kitaran atau tembok kemiskinan adalah sukar untuk dipecahkan. Apabila seseorang jatuh di bawah paras pendapatan tertentu, ia menjadi semakin sukar untuk memperoleh sumber yang diperlukan untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik atau pendidikan yang lebih baik (Nooe & Patterson, 2010).
2. Penyakit mental: Apabila masalah penyakit mental lain tidak dirawat, mungkin hampir mustahil untuk golongan gelandangan bekas banduan ini berfungsi dalam masyarakat normal (Gaetz, Dej, Richter & Redman 2016; Henry, Wiatt, Rosenthal & Shivji 2017; Nooe & Patterson 2010; Shinn, 2007, 2010; Toro, 2007; Yildirim & Yildirim, 2014).
3. Penyalahgunaan dadah: Apabila menyebut tentang gelandangan bekas banduan, ia tidak lari dari membincangkan masalah menjadi penyalahgunaan dadah atau alkohol. Kebanyakan wang yang dijana mereka daripada aktiviti menjual dadah atau membuat pekerjaan akan digunakan untuk membayar hobi ketagihan mereka. Wang ini bukannya digunakan untuk membeli pakaian atau tujuan lain untuk memperbaiki kehidupan mereka (Hammett, Rhodes & Harmon 2000); Maruna 2011; Scott, Grella, Dennis & Funk 2014; Sota & Agolli 2015). Hal ini kerana mereka tidak lagi melihat makanan sebagai keperluan asas yang penting untuk dipenuhi memandangkan kehadiran akses makanan dari NGO di sekitar Kuala Lumpur. Begitu juga dengan keperluan asas dalam memiliki tempat tinggal yang tidak lagi menjadi sesuatu yang ingin diperolehi. Mereka mempunyai suatu pandangan apabila merasakan mereka boleh tidur di jalanan tanpa memerlukan mereka untuk memiliki tempat tinggal. Ini menyebabkan mereka melihat akses kepada dadah adalah jauh lebih penting berbanding makanan dan tempat tinggal, terutama bagi individu yang mengalami masalah ketagihan.

## **KERANGKA TEORITIKAL**

### **Teori Daya Ketahanan oleh Michael Rutter dan Suniya Luthar**

Ketahanan adalah proses dinamik di mana individu menunjukkan penyesuaian positif walaupun mengalami kesukaran atau trauma yang ketara. Istilah ini tidak mewakili sifat keperibadian atau sifat individu (Luthar et al., 2000; Masten, 1999; Rutter, 1999, 2000). Sebaliknya, ini adalah konstruksi dua dimensi yang menyiratkan pendedahan kepada kesukaran dan manifestasi hasil penyesuaian positif. Terdapat beberapa sarjana yang telah membincangkan tentang teori daya tahan. Antaranya ialah Michael Rutter, Noraman Garnezy, Emmy Werner, Suniya Luthar, Ann Masten dan Michael Ungar. Kesemua sarjana ini membincangkan tentang daya ketahanan dalam diri seseorang yang disebabkan hasil daripada penyesuaian yang berlaku. Namun demikian, kajian ini telah memfokuskan perbincangan dengan menggunakan pandangan daya ketahanan dari perspektif Michael Rutter dan Suniya Luthar. Pemilihan kedua-dua ahli sarjana daya ketahanan ini kerana ia selari dengan objektif kajian ini untuk meneroka bentuk daya ketahanan yang dihasilkan oleh gelandangan bekas banduan apabila menghadapi kehidupan miskin di jalanan.

Pada tahun 2006, Rutter telah mendefinisikan daya ketahanan sebagai sebuah konsep interaktif yang berkaitan dengan kombinasi pengalaman berisiko dan hasil psikologi yang relatif positif di sebalik pengalaman yang dilalui tersebut (Rutter, 2006). Beliau mengatakan bahawa daya ketahanan adalah lebih daripada kecekapan sosial atau kesihatan mental yang positif; kecekapan mesti ada dengan risiko untuk berdaya tahan. Konsep ketahanan mempunyai titik permulaan kepada pengiktirafan bahawa terdapat heterogeniti besar dalam tindak balas orang terhadap semua jenis persekitaran kesukaran (Rutter, 2012). Definisi beliau terhadap ketahanan tetap stabil dari semasa ke semasa, terutama definisi beliau pada tahun 2013 yang mengatakan bahawa ketahanan adalah ketika beberapa individu menghasilkan suatu bentuk daya tahan yang agak baik walaupun mengalami tekanan atau kesulitan yang serius (Rutter, 2013). Beliau juga percaya bahawa anak-anak dapat bertahan dengan beberapa faktor risiko dan oleh itu risiko dan faktor persekitaran yang berbeza akhirnya dapat menyebabkan anak-anak menunjukkan daya ketahanan atau kekurangannya dalam situasi yang berbeza.

Luthar et al. (2000) pula mendefinisikan ketahanan sebagai suatu proses yang dinamis merangkumi penyesuaian positif dengan konteks kesulitan yang signifikan. Beliau menyatakan bahawa ada dua syarat kritikal yang harus dipenuhi untuk ketahanan: pendedahan kepada ancaman yang signifikan atau kesukaran yang teruk dan pencapaian penyesuaian positif. Menurutnya, dua perkara utama yang perlu diambil tahu adalah penting bagi seseorang untuk berdaya tahan dan daya tahan yang terbentuk adalah hasil kepada pendedahan tekanan yang ketara dan dalam proses mencapai penyesuaian positif. Menurut Luthar, ada tiga jenis faktor pelindung, iaitu: 1. Pelindung-penstabilan (*protective-stabilizing*) yang menyatakan walaupun risiko meningkat, namun atribut memberikan kestabilan kepada kompetensi, 2. Peningkatan pelindung (*protective-enhancing*) di mana menghadapi tekanan dan meningkatkan keyakinan dalam diri; dan 3. Pelindung tetapi reaktif (*protective but reactive*) di mana kelebihan umum tetapi tidak dengan tahap *stres* yang tinggi).

Keseluruhan kajian ini akan didasari oleh kedua-dua pandangan sarjana ini tentang daya ketahanan. Teori ini akan digunakan dalam menganalisis hasil dapatan yang ditemui.

## **METODOLOGI KAJIAN REKA BENTUK KAJIAN**

Pada September 2020, pengkaji telah menjalankan sebuah kajian kualitatif dengan menggunakan reka bentuk fenomenologi untuk memberi tumpuan kepada kehidupan gelandangan bekas banduan di Kuala Lumpur. Kajian ini cuba meneroka bentuk daya ketahanan yang digunakan oleh gelandangan bekas banduan dalam menghadapi kemiskinan. Kajian ini bertitik tolak daripada kesedaran pengkaji tentang wujudnya penumpuan gelandangan bekas banduan di Kuala Lumpur yang hidup dalam kemiskinan tanpa sebarang pekerjaan yang tetap dan pendapatan yang stabil. Kajian ini membolehkan pemahaman tentang kehidupan gelandangan bekas banduan yang hidup di jalanan. Gelandangan bekas banduan merupakan sekelompok komuniti yang rentan yang didapati telah bertumpu hidup di jalanan apabila dibebaskan. Kegagalan berintegrasi dan penolakan keluarga memaksa mereka memilih jalanan sebagai destinasi terakhir selepas dibebaskan. Keperluan untuk meneroka kehidupan gelandangan bekas banduan bagi membolehkan pengisian kelompangan yang wujud terhadap kumpulan ini dari sudut sosiologi. Bidang sosiologi yang berusaha memahami gelandangan sebagai sekelompok masyarakat menjadikan kajian ini sangat penting dan signifikan untuk bidang pengetahuan.

## **TEKNIK PENGUMPULAN DATA**

Dalam kajian fenomenologi, pengkaji boleh melakukan temu bual secara berstruktur untuk mendapatkan sebanyak mungkin maklumat dari informan. Sampel kajian ini ialah gelandangan bekas banduan yang mempunyai ciri-ciri inklusif seperti ketiadaan tempat tinggal yang tetap, tidak mempunyai pendapatan atau pekerjaan yang stabil dan hidup dalam kemiskinan di jalanan. Memandangkan sampel yang sukar dicapai menyebabkan pengkaji telah memilih untuk menggunakan beberapa teknik pensampelan; iaitu teknik pensampelan bertujuan dan teknik pensampelan bola salji. Keadaan ini menyebabkan pengkaji telah menggunakan Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur untuk membantu mengenal pasti informan yang telah ditetapkan inklusif kriteria yang diperlukan. Malahan, dua pengkaji di dalam kajian ini merupakan sukarelawan yang telah melibatkan diri dengan pertubuhan tersebut sejak 2019. Fungsi pertubuhan dalam menyalurkan bantuan seperti makanan dan perubatan kepada gelandangan menyebabkan hubungan yang rapat terbentuk di antara pengkaji pertama dan kedua dengan klien menjadikan proses pengenalpastian yang lebih mudah. Pengenalpastian seorang dua gelandangan bekas banduan membawa kepada penemuan dengan rakan-rakan mereka yang turut berkongsi ciri-ciri sama yang diperlukan. Keadaan ini menjadikan proses pengenalpastian yang berjalan dengan mudah tanpa sebarang cabaran.

Kajian ini telah menemu bual seramai 15 orang gelandangan bekas banduan. Proses pencarian informan telah dihentikan pada sampel yang ke-15 apabila hasil dapatan telah mencapai ketepuan. Ketiadaan tema baru yang ditemui berkaitan impak kemiskinan dan bentuk daya tindak yang dihasilkan oleh gelandangan bekas banduan dalam menghadapi kehidupan kemiskinan di jalanan pada sampel ke-14 dan ke-15. Keadaan ini menyebabkan pengkaji telah memilih untuk



berhenti pada setakat itu sahaja proses pencarian sampel. Dari segi protokol temu bual, kajian ini akan menggunakan temu bual separa berstruktur. Pemilihan protokol temu bual separa berstruktur bersifat sangat strategik memandangkan ia mampu memberi panduan kepada pengkaji tentang persoalan yang ingin ditanya. Malahan penggunaan protokol temu bual separa berstruktur membolehkan perubahan soalan (*probing*) bergantung kepada jawapan yang diberikan oleh informan. Proses temu bual telah dijalankan di pejabat operasi Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur. Proses temu bual telah dijalankan sepanjang pandemik Covid-19 yang sedang melanda. Keadaan ini menyebabkan pengkaji perlu menjalankan prosedur keselamatan dengan memakai pelitup muka, sanitizer dan memastikan penjarakan fizikal. Pengkaji turut mengimbas suhu informan sebelum menjalankan kajian. Proses temu bual hanya diteruskan bagi informan yang melepasi tahap suhu yang ditetapkan iaitu di bawah 37 darjah celsius. Sepanjang bertemu dengan informan yang hadir, setiap informan tidak mempunyai sebarang gejala seperti demam, batuk mahupun selsema. Mereka juga tidak mempunyai sebarang kontak rapat dengan mana-mana individu yang mempunyai jangkitan Covid-19. Keadaan ini membuatkan kajian tersebut berjalan dengan lancar. Dari segi etika penyelidikan, pengkaji telah memaklumkan terlebih dahulu tentang kajian yang ingin dijalankan kepada para informan. Mereka juga dimaklumkan tentang hak mereka serta pengkaji akan memastikan kerahsiaan yang terjamin apabila melaporkan kajian ini.

## **TEKNIK ANALISIS DATA**

Selepas mengumpulkan kesemua data temu bual, pengkaji telah menukarkan rakaman ke dalam bentuk transkrip. Hal ini kerana, sebaik rakaman temu bual dilakukan, adalah penting untuk menyalin rakaman ke dalam bentuk bertulis. Proses penyalinan temu bual itu mengambil masa yang agak lama apabila audio perbualan yang dirakam harus dihentikan dan dimulakan semula supaya tidak terlepas mana-mana kosa kata dan bahasa. Pengkaji telah menggunakan pembantu penyelidik untuk membuat proses transkrip. Proses penyalinan temu bual akan dilakukan secara manual dengan menggunakan perisian *microsoft word*. Pengambilan masa hampir sebulan oleh pembantu penyelidik untuk menyalin rakaman temu bual ke dalam bentuk bertulis. Dalam proses penyalinan semula rakaman temu bual adalah perlu untuk menambah nota-nota yang dibuat sepanjang proses temu bual. Kajian akan menggunakan perisian Atlas.ti versi 9 untuk mengekod dapatan secara analisis tematik. Proses koding telah dilakukan sendiri oleh pengkaji. Hal ini memandangkan kepada pengalaman pengkaji di dalam proses pengekodan. Pengenalpastian kod-kod berkaitan bentuk daya ketahanan gelandangan bekas banduan dalam menghadapi kemiskinan hidup di jalanan telah dikenal pasti. Pengkaji telah menyusun kod-kod ini ke dalam kelompok yang dikenal pasti temanya. Perbincangan kajian ini dilaksanakan dengan kaedah / cara melampirkan tema-tema yang diperolehi tentang bentuk daya ketahanan yang telah dikenal pasti.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **PROFIL DEMOGRAFI SOSIAL INFORMAN**

Kajian ini melibatkan seramai 15 orang informan yang terdiri daripada gelandangan bekas banduan yang didapati berulang kali memilih untuk hidup di jalanan. Dalam kajian ini, pengkaji telah merahsiakan nama setiap informan dan menggantikan dengan nama samaran. Hal ini bertujuan bagi memastikan kerahsiaan informan adalah terjamin. Pemilihan untuk merahsiakan identiti informan memandangkan kajian ini sangat sensitif yang melibatkan sekumpulan informan yang

mempunyai kecenderungan untuk dilabel secara negatif oleh masyarakat. Profil demografi informan telah diringkaskan dalam Jadual 1. Berdasarkan jadual tersebut, majoriti informan telah melalui kehidupan yang miskin apabila tidak mempunyai sebarang pendapatan yang sah serta pekerjaan yang stabil. Malahan, ia diburukkan lagi dengan ketiadaan tempat tinggal. Rata-rata mereka mengatakan tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyewa bilik sewa sama ada secara bulanan mahupun harian.

Berdasarkan Jadual 1, sejumlah 14 informan lelaki manakala hanya seorang informan wanita. Kelompok wanita sangat sukar untuk didekati kerana mereka merasa bimbang dan malu apabila pengalaman dan kata-kata mereka direkodkan atau dirakamkan. Julat umur informan terletak di antara 30 hingga 80 tahun. Adanya informan berusia 80 tahun membuktikan peluang untuk mereka keluar dari kehidupan sebagai gelandangan sangat sukar. Dapatan kajian menunjukkan sembilan informan terdiri daripada pengulang laku jenayah atau *residivis*. Manakala hanya empat orang - merupakan banduan kali pertama (*first time offender*). Kajian juga telah merekodkan bahawa 12 orang informan ditangkap disebabkan oleh jenayah dadah. Sembilan orang peserta mempunyai masalah ketagihan dadah. Rata-rata informan menunjukkan ketagihan dadah yang tinggi. Ketagihan dilihat menjadi faktor utama kepada kegagalan berintegrasi semula sepanjang dibebaskan. Ketagihan telah membuatkan hidup mereka hanya bergantung kepada dadah pada setiap masa. Penyalahgunaan dadah juga menyebabkan mereka gagal untuk berfungsi sebagai manusia yang produktif dan bebas jenayah. Walau bagaimanapun, hasil kajian mendapati empat orang informan yang mengakui bahawa mereka telah berjaya berhenti dari masalah ketagihan manakala dua orang mengakui mereka tidak mempunyai masalah ketagihan dadah. Menariknya, di sebalik kehidupan mereka yang daif dan pergantungan kepada dadah, sembilan orang informan menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai sebarang penyakit kronik mahupun berjangkit.

Dari segi penerimaan keluarga, lapan informan mengakui mereka ditolak oleh keluarga. Oleh kerana kecewa, majoriti mereka telah memilih untuk tidak lagi mengganggu keluarga dengan keluar dari kampung halaman dan menetap di Kuala Lumpur. Hanya seorang informan telah berkahwin manakala lapan orang informan adalah bujang dan selebihnya adalah duda atau janda. Dapatan kajian juga menunjukkan majoriti gelandangan bekas banduan telah hidup di jalanan dalam tempoh yang begitu panjang. Hasil daripada dapatan kajian yang terkumpul telah membuktikan mereka ini dari kalangan individu yang hidup dalam serba kemiskinan dan daif. Majoriti tidak mempunyai pendapatan yang tetap dan melakukan pelbagai pekerjaan untuk menjana kewangan. Kebanyakan informan mengalami peminggiran sosial disebabkan tiada tempat tinggal, tiada pekerjaan, konflik keluarga, pengaruh dadah dan penolakan ahli keluarga. Pengkaji telah mengenal pasti bagaimana kemiskinan memberi impak kepada gelandangan bekas banduan. Pada masa sama, kajian ini telah meneliti bentuk daya ketahanan yang digunakan oleh gelandangan bekas banduan dalam menghadapi kemiskinan. Bahagian berikutnya akan mengulas hal ini dengan terperinci.

**Jadual 1:** Profil Demografi Sosial Informan Gelandangan Bekas Banduan

<b>Demografi Informan</b>	<b>Jantina</b>	<b>Negeri Asal</b>	<b>Umur</b>	<b>Taraf Pendidikan</b>	<b>Jumlah pemenjaraan</b>	<b>Jenis jenayah</b>	<b>Tempoh gelandangan</b>	<b>Status Perkahwinan</b>	<b>Ketagihan dadah</b>	<b>Masalah kesihatan</b>	<b>Hubungan kekeluargaan</b>
Jalil	Lelaki	Melaka	56 tahun	Tingkatan tiga	5 kali penjara	Dadah	3 tahun	Bujang	Berhenti	Tiada	Penolakan keluarga
Yusuf	Lelaki	Kelantan	40 tahun	Tingakatan tiga	4 kali	dadah	4 tahun	Bujang	Ketagih	tiada	Penolakan keluarga
Ilham	Lelaki	Kedah	33 tahun	Tingkatan dua	6 kali penjara	Curi dan dadah	5 tahun	Bujang	Ketagih (Heroin)	Tiada	Penolakan keluarga
Iman	Lelaki	Perak	56 tahun	Tingkatan 6	36 rekod	Dadah	2 tahun	Bujang	Ketagih	Hanya Asma	Penolakan keluarga
Halim	Lelaki	Perak	35 tahun	Darjah 6	1 kali penjara	mencuri	2 tahun	Bujang	Tiada ketagihan	Tiada	Isteri dipenjara di penjara kajang Mak masih hidup. Ayah sudah meninggal
Shima	Perempuan	Sarawak	30 tahun	Tingkatan 3	24 kali (keluar masuk penjara)	Ic hilang dan dadah	12 tahun	Janda	Ketagihan	HIV	Penolakan keluarga/ disingkir oleh keluarga
Yusairi	Lelaki	Perak	36 Tahun	Sijil Kemahiran	6 Kali	Jenayah pecah masuk	8 Tahun	Duda	Ketagihan	Hepatitis c	Penolakan keluarga
Azim	Lelaki	Negeri Sembilan	60 Tahun	Tingkatan 5	4 kali	Dadah (Heroin)	30 Tahun	Duda	Ketagihan (Heroin)	Tiada	Tidak mahu mengganggu keluarga

**Jadual 1 (Sambungan):** Profil Demografi Sosial Informan Gelandangan Bekas Banduan

<b>Demografi Informan</b>	<b>Jantina</b>	<b>Negeri Asal</b>	<b>Umur</b>	<b>Taraf Pendidikan</b>	<b>Jumlah pemenjaraan</b>	<b>Jenis jenayah</b>	<b>Tempoh gelandangan</b>	<b>Status Perkahwinan</b>	<b>Ketagihan dadah</b>	<b>Masalah kesihatan</b>	<b>Hubungan kekeluargaan</b>
<b>Rahim</b>	Lelaki	Selangor	56 Tahun	Tingkatan 5	8 kali	Dadah	4 Tahun	Berkahwin	Berhenti	Tiada	Keluarga isteri membantu
<b>Akbar</b>	Lelaki	Kedah	53 Tahun	Tingkatan 5	3 Kali	Dadah	20 tahun	Bujang	Berhenti (sedang mengambil program methadone)	Tiada	Tidak mahu mengganggu keluarga
<b>Manaf</b>	Lelaki	Selangor	59 Tahun	Tingkatan 5	1 kali	Dadah	1 Tahun	Duda	Tidak mempunyai ketagihan	Tiada	Penolakan Keluarga
<b>Naim</b>	Lelaki	Kuala Lumpur	64 Tahun	Tingkatan 5	9 kali	7 Dadah dan 2 senjata	32 Tahun (berulang kali menjadi gelandangan)	Duda	Ketagihan (heroin)		Informan menjauhkan diri dari keluarga.
<b>Danish</b>	Lelaki	Perak	80 Tahun	Darjah 6	1 kali (32 tahun penjara)	Jual ganja	20 Tahun (pernah tinggal di PTG dan akhirnya hidup di jalanan)	Duda	Ketagihan (ganja)	Darah tinggi, kencing manis dan kolesterol	Informan tidak mahu menyusahkan anak-anaknya.
<b>Faiz</b>	Lelaki	Melaka	59 Tahun	Darjah 6	1 kali	Dadah	7 tahun (gelandangan)	Bujang	Berhenti	Asma	Informan tidak mahu menyusahkan keluarga.
<b>Zamani</b>	Lelaki	Kedah	31 Tahun	Tingkatan 3	6 Kali	Dadah	3 Tahun	Bujang	Ketagihan	Psikologi	Adik beradik tidak boleh menerima informan

## **A. KEMISKINAN DAN KEHIDUPAN JALANAN**

Hasil kajian temu bual telah membawa kepada penemuan tujuh tema yang menarik untuk diketengahkan di dalam kertas ini. Tema tersebut ialah -:

### **1. Ketiadaan pendapatan yang sah/ menganggur**

Tema pertama yang ditemui tentang gelandangan bekas banduan ialah kesan kemiskinan yang berpunca daripada kegagalan mendapatkan pekerjaan yang sah. Masalah pengangguran menjadikan mereka tidak mempunyai pendapatan tetap. Hal tersebut adalah disebabkan mereka telah berusia, mempunyai masalah ketagihan dan rekod jenayah. Bagi yang bekerja pula, mereka selalunya dibayar dengan upah yang rendah, dimanipulasi dan didiskriminasi oleh majikan. Mereka tidak mempunyai wang untuk menyewa bilik/rumah disebabkan oleh sama ada memperolehi pendapatan yang sedikit, menganggur atau keseluruhan wang telah dibelanjakan untuk membeli dadah. Maka, mereka pasrah dengan kehidupan di jalanan.

*“Saya terpaksa hidup dalam kemiskinan kerana tidak mempunyai pendapatan yang tetap”*

(Jalil/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

*“Ikutkan memang tiada pendapatan tetap. Akhirnya saya memang tidak berkemampuan dari segi kewangan. Hidup memang susah”*

(Ilham/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

*“Saya hidup susah sebab saya tidak kerja. Saya memang hidup terus di jalanan”*

(Azim/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

*“Kesan kemiskinan disebabkan oleh pengangguran. Hidup saya memang susah”*

(Naim/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

### **2. Tiada tempat berteduh dan kehidupan di jalanan**

Kegagalan untuk mempunyai pendapatan yang stabil menjadikan gelandangan bekas banduan tidak mampu untuk memiliki kediaman. Keperluan untuk membayar deposit sewa membuatkan mereka lebih sukar untuk - mendapat akses kepada tempat tinggal. Akhirnya, kemiskinan yang dihadapi membuatkan jalanan sebagai tempat terakhir untuk dituju. -.

*“Saya tidak mempunyai tempat berteduh. Saya banyak hidup jalanan sepanjang hari ini”*

(Iman / Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

*“Saya sudah bergelandangan lama sebab ketidakmampuan untuk membayar sewa”*

(Shima/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

*“Bukan sahaja bilik sewa bulanan, saya juga tidak mampu membayar bilik sewa harian. Ini disebabkan saya tidak mampu nak bayar deposit. Kadang-kadang tuan rumah minta 2 bulan bayaran sebagai deposit. Akhirnya memang terpaksa hidup di jalanan”*

(Akbar/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

*“Saya sudah lama tidur di jalanan sebab kemiskinan. Saya memang jadi gelandangan selama hari ini”*

(Zamani/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

### **3. Diskriminasi masyarakat**

Masyarakat sering meletakkan persepsi yang buruk terhadap gelandangan bekas banduan. Golongan gelandangan bekas banduan sering mengalami pendiskriminasian daripada masyarakat. Terdapat pelbagai bentuk pandangan kurang baik, herdikan dan panggilan yang dilemparkan terhadap gelandangan bekas banduan oleh masyarakat. Hal tersebut membuatkan hidup mereka berterusan dalam keadaan yang tidak menggembirakan. Beberapa petikan temubual di bawah menunjukkan persepsi negatif masyarakat terhadap golongan tersebut -

*“Orang tengok kita hidup yang di jalanan dengan perasaan yang jijik”*

(Azim/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

*“Pandangan rakyat negatif terhadap kita bila melihat tidur di jalanan. Ia merupakan kesan bila hidup di jalanan”*

(Naim/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

### **4. Sering ditahan oleh pihak penguatkuasa**

Keadaan hidup di jalanan dan penampilan fizikal yang kurang terurus menyebabkan mereka sering ditahan oleh penguatkuasa. Informan menyatakan imej mereka yang tidak terurus dan tidak kemas sering menjadikan mereka sebagai sasaran pihak penguatkuasa. Keadaan hidup yang tiada tempat tinggal memaksa mereka tidur di kaki lima kedai, di bawah jambatan dan di dalam bangunan kosong, membuatkan mereka sering ditangkap ketika operasi penguatkuasaan dijalankan. Terdapat juga informan yang memiliki dadah, membuatkan mereka ditangkap oleh pihak berkuasa.

*“Bila hidup di jalanan, kami sering ditahan apabila berlakunya operasi. Kita mudah mendapat perhatian dari polis”*

(Jalil/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

*“Selalunya hidup di jalanan bukan suatu yang mudah, kami selalu kena soal oleh polis. Ada juga ditangkap sebab memiliki dadah pada ketika itu. Ada juga yang sangkut dengan ujian air kencing”*

(Yusuf/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

*“Kadang-kadang sebab hidup jalanan ini sebenarnya lebih mudah kena tahan. Selalu bila operasi, memang ramai antara kami kena angkut”*

(Yusairi/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

## **5. Tiada peluang dan ruang untuk keluar dari kemiskinan**

Kehidupan yang miskin menyebabkan informan tidak mempunyai peluang dan ruang untuk keluar dari kehidupan di jalanan. Keadaan tersebut mendesak mereka berterusan terlibat dalam jenayah.

*“Bagi saya, tiada peluang untuk saya berubah dari hidup macam ini (kemiskinan). Saya bukan baru sahaja jadi gelandangan. Saya sudah bertahun juga”*

(Akbar/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

*“Ikutkan hidup miskin ini sangat sukar. Susah tiada peluang. Semua peluang seakan macam tiada buat kami. Kami hanya terpaksa hidup macam ini”*

(Naim/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

## **6. Hilang rasa kepercayaan pada diri dan rendah diri**

Pengkaji juga mendapati impak kemiskinan kepada gelandangan bekas banduan apabila informan mula kehilangan rasa kepercayaan pada diri. Mereka mula merasa rendah diri untuk berhadapan dengan masyarakat. Kehidupan yang miskin memberi impak yang besar kepada perjalanan hidup gelandangan bekas banduan. Beberapa petikan temu bual di bawah mengesahkan hal ini.

*“Saya rasa rendah diri dengan diri. Saya pun rasa malu bila berhadapan dengan masyarakat”*

(Ilham/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

*“Saya rasa malu dengan hidup miskin. Saya jadi rendah diri bila terpaksa meminta-minta bantuan dari orang.”*

(Iman/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

*“Bila minta bantuan seperti makanan, sebenarnya saya jadi malu dengan diri. Saya tidak sangka akan berakhir hidup begini”*

(Azim/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

## **7. Kecenderungan penglibatan dalam aktiviti tidak bermoral dan jenayah**

Keadaan hidup yang miskin mendesak golongan tersebut untuk terlibat dengan tingkah laku-tingkah laku antisosial dan aktiviti jenayah. Bagi mereka yang pernah terlibat dengan penyalahgunaan dadah, mereka akan mencari sumber kewangan melalui penjualan dadah bagi

mendapatkan sumber kewangan untuk meneruskan hidup. Beberapa petikan temu bual di bawah menjelaskan hal ini.

*“Hidup miskin menyebabkan kami beralih arah untuk melakukan aktiviti-aktiviti seperti menjual dadah. Sebenarnya tidak untung banyak tapi cukup untuk memperolehi bekalan dadah sebenarnya”*

(Jalil/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

*“Ada juga saya buat aktiviti menjual dadah sebab mudah memperolehi duit”*

(Yusairi/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

*“Saya selalu memilih menjadi runner dadah dengan membekalkan dadah kepada siapa yang nak beli. Untung tak banyak tapi cukup untuk diri”*

(Naim/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

## **B. BENTUK DAYA KETAHANAN DALAM MENGHADAPI KEADAAN KEMISKINAN**

Hasil kajian temu bual ke atas informan mengenai bentuk daya ketahanan yang dihasilkan dalam menghadapi kemiskinan telah membawa kepada penemuan empat tema yang menarik. Antaranya seperti berikut:

### **1. Menyesuaikan diri**

Informan ada menyebut tentang penyesuaian diri dengan kehidupan di jalanan. Mereka cuba beradaptasi dengan keadaan hidup yang miskin. Keadaan ini membuatkan rata-rata informan menerima keadaan hidup yang dialami dan beradaptasi dengan kehidupan tersebut.

*“Saya memilih untuk menyesuaikan diri dengan keadaan miskin”*

(Yusuf/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

*“Saya redha dengan takdir yang berlaku. Mungkin ini yang telah tertulis”*

(Rahim/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

*“Saya sudah biasa dengan hidup di jalanan”*

(Akbar/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

*“Ikutkan saya telah cuba membiasakan diri dengan hidup macam ini”*

(Danish/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)



## **2. Melakukan pelbagai pekerjaan**

Terdapat juga informan yang cuba mengatasi pengalaman yang sukar dengan menjalankan pelbagai pekerjaan untuk kelangsungan hidup. Walaupun sukar untuk mendapatkan pekerjaan bulanan yang baik, mereka masih berusaha untuk melakukan beberapa pekerjaan secara harian-untuk mendapatkan pendapatan. Pelbagai jenis pekerjaan seperti menjual barang terpakai, bekerja di pasar pada pagi hari dan menjaga tempat letak kereta. Informan berpendapat, dengan melakukan pekerjaan tersebut, membolehkan mereka mengatasi pengalaman hidup yang sukar.

*“Saya mengambil keputusan membuat pelbagai pekerjaan untuk menghadapi hidup miskin. Saya mengutip barang terpakai di tong sampai dan menjual di pasar karat”*

(Iman/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

*“Cara saya hadapi hidup miskin dengan buat macam-macam pekerjaan harian untuk kelangsungan hidup setiap hari. Saya selalu tanya pekedai sama ada perlu pekerja untuk angkat barang”*

(Shima/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

*“Saya buat macam-macam untuk hadapi hidup macam ini. Saya ada kerja menjaga parking. Kadang-kadang subuh itu buat kerja dekat pasar. Memang banyak juga la dilakukan”*

(Azim/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

## **3. Meminggirkan diri dari masyarakat**

Dari segi kehidupan bermasyarakat, rata-rata informan menyatakan bahawa mereka lebih selesa menjauhkan diri daripada masyarakat. Hal tersebut berikutan stigma daripada orang di sekeliling. Lanjutan daripada itu, mereka berasa rendah diri dan malu untuk berhadapan dengan masyarakat. Dengan kata lain, meminggirkan diri daripada masyarakat merupakan salah satu daya ketahanan yang dilakukan oleh informan kajian. Beberapa petikan temu bual menjelaskan perkara ini. -

*“Saya memang tidak berjumpa masyarakat. Saya banyak menyendiri dari orang ramai”*

(Jalil/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

*“Saya selalu hidup keseorangan (menyendiri). Saya memang tidak ambil tahu dunia luar yang berlaku”*

(Ilham/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

*“Saya banyak mendiamkan diri sebenarnya. Sebab saya tahu keadaan saya (kemiskinan)”*

(Zamani/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

#### 4. Memanfaatkan kelebihan yang ada

Informan turut menyatakan yang mereka akan memanfaatkan kelebihan yang ada sebagai salah satu bentuk ikhtiar untuk terus berdaya tahan dalam hidup yang serba kekurangan. Beberapa petikan temu bual menjelaskan hal ini. -

*“Saya gunakan kelebihan yang ada. Salah satu ‘repair’ barangan terpakai. Saya gunakan sebagai salah satu cara nak menghadapi kehidupan ini”*

(Halim/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

*“Saya buat benda yang memang saya sudah mahir. Saya selalu kutip barang terpakai di tong sampah. Kadang-kadang barang yang masih elok dibuang oleh pekedai. Saya dengan kawan-kawan akan kutip barang ini untuk dijual di pasar karat”*

(Naim/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

*“Saya banyak menggunakan masa yang ada melakukan perkara yang beri manfaat. Saya ingin buat benda yang boleh menjana kewangan. Setiap hari saya fikirkan cara nak buat duit”*

(Danish/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

#### PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan gelandangan bekas banduan sukar mendapat pekerjaan, mudah terjerumus dengan penagihan dadah, tidak mempunyai sokongan daripada keluarga dan didiskriminasikan oleh masyarakat, membuatkan mereka hidup dalam kemiskinan. Impak dari kemiskinan yang berlarutan, golongan tersebut menghasilkan beberapa bentuk daya ketahanan bagi membolehkan mereka meneruskan hidup di jalanan. Pengkaji berpendapat golongan gelandangan bekas banduan merupakan komuniti marginal yang paling rentan berbanding kelompok gelandangan yang lain. Hal ini kerana mereka sukar untuk mendapat pekerjaan disebabkan status mereka sebagai bekas banduan. Apabila gelandangan bekas banduan tidak mempunyai wang untuk mendapatkan makanan dan memiliki kediaman, mereka terpaksa membentuk suatu daya ketahanan untuk meneruskan kehidupan yang sukar. Perasaan rendah diri turut terbentuk disebabkan oleh penolakan keluarga, rakan atau saudara-mara. Faktor penolakan keluarga juga membuatkan mereka hidup dalam kekecewaan. Keadaan ini menyebabkan mereka hidup menyendiri di jalanan. Hidup dalam kemiskinan boleh menyebabkan tekanan, keperitan dan trauma. Hal tersebut mendorong mereka melakukan perkara-perkara yang menjijikkan seperti mengorek tong sampah untuk mencari bahan yang boleh dimakan atau dijual dan menjual dadah untuk mendapatkan sumber kewangan. Selain itu, ada juga yang terlibat dengan penagihan dadah yang mana hal tersebut akan menyulitkan lagi keadaan hidup mereka. Malahan kesukaran hidup dan kemiskinan boleh menyebabkan kesihatan mental atau emosi terganggu.

Kajian lepas telah menunjukkan bahawa daya ketahanan mampu menjadi faktor pelindung bila wujudnya risiko atau masalah dan ia membantu mempromosikan hasil positif atau mengurangkan hasil negatif (Fergus & Zimmerman, 2005). Kajian ini mendapati gelandangan bekas banduan akan bertindak balas terhadap peristiwa tekanan dengan cara yang berbeza, bergantung pada peristiwa tersebut dan pada strategi peraturan yang mereka pilih (Bonanno & Diminich, 2013). Kebanyakannya akan memilih untuk menyesuaikan diri dengan

keadaan di jalanan dan mengatasi pengalaman sukar disebabkan kehidupan miskin tersebut. Malahan mereka memanfaatkan kelebihan yang ada untuk memastikan kelangsungan hidup di jalanan. Para ahli psikologi telah lama memperhatikan cara-cara di mana orang bertindak balas dan mengatur diri mereka dalam menghadapi peristiwa yang tidak menyenangkan atau mencabar (Luthar et al., 2000, Masten, 1999). Keadaan ini terbukti apabila ada dalam kalangan gelandangan bekas banduan yang memilih untuk mengasingkan diri daripada masyarakat dan melakukan apa jua cara dalam memastikan kelangsungan hidup di jalanan. Pengkaji melihat ia sebahagian daripada daya ketahanan yang terbentuk akibat kehidupan miskin yang dihadapi. Gelandangan bekas banduan mengalami tekanan, kemunduran, dan emosi yang sukar, tetapi mereka memanfaatkan kekuatan mereka untuk mengatasi cabaran masalah kemiskinan yang dihadapi. Ketahanan memberi kuasa kepada mereka untuk menerima dan menyesuaikan diri dengan situasi dan terus hidup bergelandangan dalam tempoh yang berterusan.

Rutter (1999, 2006, 2012, 2013), percaya bahawa daya ketahanan sama sekali tidak berkaitan dengan sifat psikologi individu, sebaliknya beliau percaya ia adalah kemampuan untuk menyesuaikan diri ketika diberi sumber daya yang tepat. Malahan Luthar et al. (2000), sama seperti penyelidik lain yang membincangkan tentang daya tahan, turut mengemukakan bahawa ketahanan bukanlah sifat peribadi tetapi produk dari persekitaran dan interaksi antara seseorang dan persekitaran. Ia jelas terbukti apabila gelandangan bekas banduan ini membentuk daya ketahanan mereka yang tersendiri akibat daripada interaksi dengan persekitaran. Kehidupan sebagai gelandangan tidak menghentikan mereka ini untuk memastikan kelangsungan hidup. Hal ini kerana, menghadapi kemiskinan ini adalah bahagian kehidupan yang tidak dapat dielakkan apabila berada di jalanan. Pada satu ketika, setiap gelandangan bekas banduan pasti mengalami pelbagai tahap kesukaran. Secara keseluruhan, penemuan kajian mengesahkan wujudnya penyesuaian diri sebagai suatu bentuk daya ketahanan menghadapi kesukaran ini. Dalam kajian ini, kesukaran merujuk kepada keadaan kemiskinan yang dihadapi oleh gelandangan bekas banduan. Penemuan kajian ini seiring dengan perspektif Rutter (2013) dan Luthar et al. (2000) yang membincangkan tentang penyesuaian dalam diri seseorang apabila menghadapi pengalaman trauma, kesukaran dan keadaan hidup yang menghimpit. Walau bagaimanapun, dari segi pengalaman menghadapi kemiskinan ini, bagi sebilangan gelandangan bekas banduan, kesukaran ini mungkin agak kecil bagi mereka. Sementara yang lain melihat kehidupan kemiskinan sebagai kesukaran pada skala yang jauh lebih besar. Tetapi akhirnya kesemua mereka yang hidup di jalanan ini masih mampu membentuk daya tahan dalam menghadapi kesukaran hidup yang dilalui.

Kajian ini telah memberi gambaran sebenar tentang impak kemiskinan gelandangan bekas banduan dan bentuk daya ketahanan yang digunakan oleh mereka dalam menghadapi kemiskinan. Dapatan yang diperolehi menunjukkan kemiskinan telah memberikan impak yang besar kepada gelandangan bekas banduan. Keperluan dalam menyediakan program dalam menyalurkan perkhidmatan yang sesuai bagi membantu kumpulan ini untuk keluar daripada kehidupan kemiskinan. Kepelbagaian program yang dapat dilaksanakan dijangka dapat memberi kesan yang holistik. Program seperti penyediaan bantuan bilik sewa sokongan agar dapat mengeluarkan gelandangan bekas banduan daripada kehidupan di jalanan. Selain itu, gabungan program yang bersifat latihan kemahiran dan peluang pekerjaan agar membolehkan gelandangan bekas banduan menjadi produktif serta mempunyai pendapatan sendiri. Jangkaan pengkaji program peluang pekerjaan mampu mengurangkan kadar kemiskinan dalam gelandangan bekas banduan. Menerusi pekerjaan, keupayaan untuk gelandangan bekas banduan mendapat akses kepada bilik sewa serta ketidakperluan untuk mereka berada di jalanan lagi. Malahan, program seperti pengurusan kewangan juga amat bersesuaian dalam

membimbing gelandangan bekas banduan dalam menguruskan pendapatan ke arah yang lebih sistematik dan tersusun. Oleh itu, penyelesaian dan pendekatan yang dicadangkan ini dilihat bersifat komprehensif dan mampu meningkatkan peluang integrasi semula yang lebih baik dari segi ekonomi, sosial, keagamaan dan psikologi. Cadangan-cadangan yang diberikan ini dapat disediakan oleh agensi kerajaan agar dapat membantu gelandangan bekas banduan ini untuk keluar daripada belenggu kemiskinan sehinggalah kesemua mereka ini dapat kembali ke kehidupan normal sesuai dengan martabat mereka.

## **KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, kemiskinan memberi impak yang besar kepada kehidupan gelandangan bekas banduan. Sepanjang berada di jalanan, gelandangan bekas banduan perlu membentuk daya ketahanan tersendiri dalam menghadapi kehidupan kemiskinan. Ternyata, kemiskinan hidup memerlukan gelandangan bekas banduan menyesuaikan diri dengan keadaan persekitaran yang dihadapi, mengasingkan diri, melakukan apa jua pekerjaan dan memanfaatkan kelebihan yang ada. Kesemua ini digunakan sebagai daya ketahanan dalam menghadapi kehidupan. Kajian ini memberikan gambaran hidup tentang bentuk daya tahan yang dihasilkan dalam memastikan kelangsungan hidup di jalanan. Sekali gus ia membuktikan kehidupan gelandangan bekas banduan sangat sukar sepanjang bergelumbang dengan keadaan kemiskinan. Keperluan dalam mencari jalan penyelesaian kepada isu gelandangan bekas banduan di dalam negara agar dapat mengeluarkan mereka daripada kehidupan miskin ini. Bantuan dan perkhidmatan yang dapat disediakan dijangka dapat mengubah nasib gelandangan bekas banduan yang hidup di jalanan ini. Walaupun isu gelandangan bekas banduan telah mula disedari tetapi malangnya masih belum ada usaha kukuh untuk membantu kelompok ini agar mampu keluar daripada keadaan kemiskinan ini. Isu gelandangan bekas banduan ini juga bukan isu masalah sosial yang biasa dan boleh dibiarkan begitu sahaja tanpa mengambil tindakan yang serius oleh pihak yang bertanggungjawab. Oleh itu, isu gelandangan bekas banduan ini perlu diambil perhatian yang serius dengan memperkenalkan pelbagai program yang bersesuaian agar dapat membantu mengeluarkan mereka daripada kehidupan kemiskinan ini.

## **PEMATUHAN DENGAN STANDARD ETIKA**

Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian yang melibatkan peserta manusia adalah mengikut standard etika jawatankuasa Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), Universiti Utara Malaysia. RMIC telah memberikan geran penyelidikan dan tinjauan etika sebelum permulaan penyelidikan ini. Selain itu, persetujuan yang dimaklumkan diperoleh dari semua peserta individu yang termasuk dalam kajian ini.

## **PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN BERCAANGGAH**

Pengkaji menyatakan tidak ada kemungkinan konflik kepentingan sehubungan dengan penelitian, kepengarangan, dan / atau penerbitan artikel ini.

## **GERAN PEMBIAYAAN**

Pengkaji memperoleh geran Penajaan Penyelidikan 2021 dengan no. kod S/O 21123 sebanyak RM10,000 dan geran kolej dengan no. kod S/O 14621 sebanyak RM 5,000 dari Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), Universiti Utara Malaysia untuk kajian ini.

## RUJUKAN

- Berawi, F.A. & Ismail, N.A (2019). Gelandangan di Kuala Lumpur: Tinjauan Awal. [https://www.researchgate.net/publication/337679453\\_Gelandangan\\_di\\_Kuala\\_Lumpur\\_Tinjauan\\_Awal](https://www.researchgate.net/publication/337679453_Gelandangan_di_Kuala_Lumpur_Tinjauan_Awal)
- Bonanno, G. A., & Diminich, E. D. (2013). Annual research review: Positive adjustment to adversity\*Trajectories of minimal impact resilience and emergent resilience. *Journal of Child Psychology and Psychiatry*, 54, 378\_401.
- Brooks, J. E. (2006). Strengthening resilience in children and youths: Maximizing opportunities in the schools. *Children and Schools*, 28(2), 69–76.
- Cleverley, K., & Kidd, S. A. (2011). Resilience and suicidality among homeless youth. *Journal of Adolescence*, 34, 1049-1054. doi:10.1016/j.adolescence.2010.11.003
- Connor, K. M., & Davidson, J. (2003). Development of a new resilience scale: the Connor-Davidson resilience scale (CD-RISC). *Depression and Anxiety*, 18, 76–82.
- Fergus, S., & Zimmerman, M. A. (2005). Adolescent resilience: A framework for understanding healthy development in the face of risk. *Annual Review of Public Health*, 26, 399–419.
- Gaetz, S., Dej, E., Richter, T. & Redman, M. (2016). *The state of homelessness in Canada 2016*. Can. Observ. Homelessness (COH) Res. Pap. 12, Toronto.
- Hammett, T.M., Rhodes, W. & Harmon, P. (2000). “Breaking the silence” on prisons and jails as epicenters of HIV/AIDS and other infectious diseases in the United States. Kertas dibentang di the XIII International AIDS Conference, Durban, South Africa.
- Henry, M., Watt, R., Rosenthal, L. & Shivji, A. (2017). *Annual homeless assessment report (AHAR) to Congress, part 1: point-in-time estimates of homelessness*. Rep., US Dep. Hous. Urban Dev., Off. Community Plann. Dev. Res., Washington, DC. <https://www.hudexchange.info/resources/documents/2017-AHARPart-1.pdf>.
- Idris, M.A.H. & Ramli, M.A. (2017). Golongan gelandangan di Malaysia: Antara perluasan tafsiran Asnaf Ibnu Al-Sabil dan Al-Riqab. Dlm Najahurin Lateh, Muhamad Rahimi Osman & Ghafarullahuddin Din. *Isu-Isu Kotemperorari dalam Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam*. Shah Alam: Akademik Pengajian Islam Kotemporari.
- Jamil, N. & Che Mat, S.H. (2014). Realiti kemiskinan: Satu kajian teoritikal. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 48(1),167 – 177.
- Jasni, M.A., Ah, S.H.A.B., Yusoff, J.Z., Shahid, K.M., Omar, N. & Azman, Z. (2018). Faktor penghijrahan dan penumpuan bekas banduan di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. *Geografia*, 14(1): 87-101.
- Jasni, M.A., Ah, S.H.A.B., Yusoff, J.Z., Shahid, K.M., Omar, N. & Azman, Z. (2019). Family Refusal as a Contributing Factor To The Homelessness Problem Among Former Prisoners In Malaysia. *Sarjana*, 34(1), 23-37.
- Khalid, K.A.B. (2016). Dilema kemiskinan: Falsafah, budaya dan strategi. *Akademika*, 86(2), 65-78. <http://doi.org/10.17576/akad-2016-8602-05>
- Kidd, S. A., Miner, S., Walker, D., & Davidson, L. (2007). Stories of working with homeless youth: on being “mind-boggling”. *Children and Youth Services Review*, 29, 16-34.

- Luthar, S. S., & Cicchetti, D. (2000). The construct of resilience: Implications for interventions and social policies. *Development and Psychopathology*, 12, 857–885.
- Luthar, S. S., Cicchetti, D. & Becker, B. (2000). The construct of resilience: A critical evaluation and guidelines for future work. *Child Development*, 71, 543-562.
- Maruna, S. (2011). Reentry as a rite of passage. *Punishment & Society* 13(1): 3–28. <https://doi.org/10.1177/1462474510385641>.
- Masten A. (1999). Commentary: The promise and perils of resilience research as a guide to preventive interventions. In: Glantz MD, Johnson JL, editors. *Resilience and development: Positive life adaptations*. New York: Plenum Press pp. 251–257.
- Mohd Alif Jasni, Siti Hajar Abu Bakar Ah, Jal Zabdi Mohd Yusoff, Khairiyah Md. Shahid, & Noralina Omar (2017). Konsep Residivisme: Kekaburan Definisi, Pengukuran dan Praktis. *Akademika*, 87(3), 101-122.
- Mohd Alif Jasni, Siti Hajar Abu Bakar Ah, Jal Zabdi Mohd Yusoff, Khariyah Md. Shahid, Noralina Omar, & Zaiton Azman (2018). Pengangguran dalam kalangan bekas banduan sebagai faktor peramal kepada pengulangan jenayah di Malaysia: Kajian kes ke atas bekas banduan di Jalan Chow Kit. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3(7), 19-39.
- Mohd Alif Jasni, Siti Hajar Abu Bakar Ah, Jal Zabdi Mohd Yusoff, Khairiyah Md Shahid, Noralina Omar & Zaiton Azman (2019). Family Refusal as a Contributing Factor To The Homelessness Problem Among Former Prisoners In Malaysia. *Sarjana*, 34(1), 23-37.
- Mohd Alif Jasni, Siti Hajar Abu Bakar Ah, & Norruzeyati Che Mohd Nasir (2020) Three major interrelated factors contributing to homelessness issue among former prisoners in Malaysia. *The International Journal of Criminology and Sociology*, 9, 415-430. DOI: <https://doi.org/10.6000/1929-4409.2020.09.40>.
- Mohd Alif Jasni, Norruzeyati Che Mohd Nasir & Mohammad Nurhafiz Hassim (2020). Hubungan kekeluargaan dalam menentukan kejayaan atau kegagalan bekas banduan dalam proses integrasi semula. *eBangi*, 17(2).
- Mohd Alif Jasni, Siti Hajar Abu Bakar Ah & Norruzeyati Che Mohd Nasir (2021). Tough life after prison: An analysis of 19 former prisoners in Malaysia. *Journal of Community Development Research (Humanities and Social Sciences)*, 14(1), 24-36.
- Nooe, R.M. & Patterson, D.A. (2010). The ecology of homelessness. *Journal of Human Behavior in the Social Environment* 20(2): 105-152, DOI:10.1080/10911350903269757
- Perron, J. L., Cleverley, K., & Kidd, S. A. (2014). Resilience, loneliness, and psychological distress among homeless youth. *Archives of Psychiatric Nursing*, 28, 226–229.
- Ramli, M.W. & Dawood, S.R.S 2017. Memahami permasalahan golongan terpinggir di bandar: Kajian kes gelandangan di George Town, Pulau Pinang. *Geografi* 5(2): 78-94.
- Raven, M.C., Kaplan, L.M., Rosenberg, M., Tieu, L., Guzman, D., & Kushel, M. (2018). Mobile Phone, Computer, and Internet Use Among Older Homeless Adults: Results from the HOPE HOME Cohort Study. *JMIR Mhealth Uhealth*, 6(10): e100549. [doi.org/10.2196/10049](https://doi.org/10.2196/10049)
- Rutter, M. (1999). Resilience concepts and findings: Implications for family therapy. *Journal of Family Therapy*, 21, 119–144.

- Rutter, M. (2000). Resilience reconsidered: Conceptual considerations, empirical findings, and policy implications. In: Shonkoff JP, Meisels SJ, editors. *Handbook of early childhood intervention*. 2. New York: Cambridge University Press; pp. 651–682.
- Rutter, M. (2006). Implications of resilience concepts for scientific understanding. *Annals of the New York Academy of Sciences*, 1094, 1-12.
- Rutter, M. (2012). Resilience as a dynamic concept. *Development and Psychopathology*, 24(02), 335–344. doi:10.1017/s0954579412000028
- Rutter, M. (2013). Annual research review: Resilience - clinical implications. *The Journal of Child Psychology and Psychiatry*, 54, 474-487.
- Saunders, P. (2005). *The poverty wars*. Australia: UNSW Press.
- Scott, C., Grella, C., Dennis, M. & Funk, R. (2014). Predictors of recidivism over 3 years among substance-using women released from jail. *Criminal Justice and Behavior* 41(11): 1257-1289. <https://doi.org/10.1177/0093854814546894>
- Shinn, M. (2007). International homelessness: Policy, socio-cultural, and individual perspectives. *Journal of Social Issues* 63(3): 657–677.
- Shinn, M. 2010. Homelessness, poverty and social exclusion in the United States and Europe. *European Journal of Homelessness* 4: 19–44.
- Sota, M. & Agolli, I. 2015. Risk and protective factors to prevent recidivism of minors in criminality, a preventive approach in criminal justice. *European Scientific Journal* 11(20): 1857 – 7881.
- Suharto, E. (2009). *Membangun masyarakat memberdayakan rakyat*. Bandung: PT. Refika Aditama
- Tharshini, N. K., Ibrahim, F., Mohamad, M. S., & Zakaria, E. (2018). Challenges in Re-Entry among Former Inmates: A Review. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(4), 970–979. DOI: 10.6007/IJARBS/v8-i4/4126
- Toro, P. (2007). Toward an international understanding of homelessness. *Journal of Social Issues* 63(3): 461–481.
- Vandetorren, S. & Chauvin, P. (2018). Health and health care for homeless people in various contexts. *International Journal of Environment Research and Public Health* 15: 1-2.
- Yani, N.M.A., Zahari, N.Z., Samah, N.F. Azahar, M.A., Yasin, S.M., Saman, M.S & Noor, N.A. (2016). Factors associated with homelessness and its medical issues among urban malaysians: A qualitative research. *Journal of Clinical and Health Sciences* 1(1): 46-58.
- Yildirim, N. & Yildirim, K. (2014) Homelessness within social change. *Mediterranean Journal of Social Sciences* 5(22): 418-432.

---

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia dan Institute for Psychotherapy, Correctional & Rehabilitation (*iPSYCORE*), Malaysia

<sup>2</sup> Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya

<sup>3</sup> Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia dan Asian Research Institute for Governance, (ARICG).

